

Warisan Melayu-Islam di Pulau Pinang

BH 29/6/2011 MS

Oleh Faridzwan Abdul Ghafar

faridzwan@bharian.com.my

PENGABAIAN tinggalan sejarah dan warisan Melayu-Islam di Pulau Pinang wajar diberi perhatian khusus oleh pemimpin negara, pakar ekonomi, ulama, budayawan dan rakyat di negara ini secara keseluruhannya.

Tinggalan sejarah dan warisan Melayu Islam Pulau Pinang adalah khazanah Melayu dan Bumiputera yang sangat bernilai dan menjadi lambang kekuatan jati diri bangsa Melayu sehingga membawa pembentukan Malaysia pada hari ini.

Tinjauan oleh penyelidik Universiti Sains Malaysia (USM) yang diketuai Dr Saidatulakma Mohd, mendapati 42 tempat warisan di Pulau Pinang yang kaya dengan sejarah Melayu-Islam tidak mendapat perhatian pihak berwajib kerana tumpuan secara keterlaluan diberi ke atas Tapak Warisan Dunia Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO).

Senario itu sangat membimbangkan kerana ia menunjukkan pihak berwajib di negeri itu hampir tiada usaha atau langsung tidak ambil peduli kepentingan menjaga khazanah warisan orang Melayu berusia ratusan tahun di sekitar Pulau Pinang.

Selain itu, hasil maklum balas 238 borang yang diedarkan kepada orang ramai

berhubung usaha pemuliharaan peninggalan lama di Pulau Pinang oleh kumpulan penyelidik itu mendapati pihak berwajib perlu bertanggungjawab memulihara tempat bersejarah yang kaya dengan warisan Melayu-Islam bagi mengelakkannya lenyap.

Maklum balas berkenaan secara tidak langsung menghantar isyarat bahawa tanda kekuasaan tamadun Melayu-Islam harus diselamatkan dengan segera sebelum ia lenyap akibat dasar kerajaan negeri.

Dalam perkembangan berkaitan, jawapan Ketua Menteri, Lim Guan Eng, berhubung usaha pemuliharaan warisan Melayu-Islam amat mengecewakan, malah beliau enggan memberi jaminan bahawa kerajaan negeri akan membantu menyelamatkan warisan terbiar ini.

Keengganan kerajaan negeri menyelamatkan warisan Melayu-Islam di luar Tapak Warisan Dunia Georgetown mengundang reaksi pelbagai pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan kebanyakannya berpendapat ia adalah usaha untuk memadamkan kesan sejarah kedudukan orang Melayu di Pulau Pinang.

Tidak kurang juga ada yang berpendapat wujudnya agenda halus pihak tertentu yang mempengaruhi Kerajaan DAP Pulau Pinang supaya 'membunuh' warisan dan tanda kekuasaan Raja-Raja Melayu di Pulau Pinang.

Perkara berkenaan disahkan Presiden



CUCU P Ramlee, Najua Nasir, 25 (kanan), Gurnarisasca, 34 (kiri) dan Gurlina, 40, melawat rumah datuk mereka di Kampung Sungai Pinang, Pulau Pinang yang kini menjadi muzium.

Pulau Pinang jadi mangsa agenda politik

24.


Persatuan Melayu Pulau Pinang (PEMENANG), Datuk Seri Mohd Yusof Latiff, bahawa wujudnya 'tangan halus' itu mengakibatkan usaha pemuliharaan warisan Melayu-Islam diabaikan supaya tumpuan diberi kepada Tapak Warisan Dunia UNESCO.

"Ini berlaku kerana ada usaha puak tertentu mahu menghilangkan kesan sejarah orang Melayu-Islam melalui pengabaianinggalan sejarah dan ia wajar dihentikan segera," katanya.

Kenyataan itu disokong oleh Persatuan Sejarah Malaysia yang menyifatkan tindakan mengabaikan bangunan bersejarah dan warisan Melayu-Islam di Pulau Pinang sebagai percubaan untuk memadamkan bukti kewujudan penempatan Melayu di negeri ini sebelum kedatangan Inggeris.

"Tindakan pihak berwajib mengabaikan warisan Melayu-Islam semakin ketara sejak kepemimpinan negeri bertukar tampuk pemerintahan kepada pakatan pembangkang," kata Pengerusi Persatuan Sejarah Malaysia, Datuk Omar Mohd Hashim.


Omar yang juga anak jati kelahiran Pulau Pinang turut menyuarakan perasaan dukacita dengan perkembangan kurang baik berkaitan warisan sejarah Melayu Pulau Pinang sejak akhir-akhir ini dan mahu kerajaan negeri dapat memainkan peranan lebih baik, selain agensi Kerajaan Pusat.



Wujudnya 'tangan halus' itu mengakibatkan usaha pemuliharaan warisan Melayu-Islam diabaikan

supaya tumpuan diberi kepada Tapak Warisan Dunia UNESCO. Ini berlaku kerana ada usaha puak tertentu mahu menghilangkan kesan sejarah orang Melayu-Islam melalui pengabaianinggalan sejarah dan ia wajar dihenti segera

Mohd Yusof Latiff
Presiden PEMENANG



Justeru, banyak pemimpin NGO menyuarakan supayainggalan sejarah dan warisan Melayu Pulau Pinang diletakkan di bawah tanggungjawab Yang di-Pertuan Agong dan Majlis Raja-Raja Melayu kerana ia adalah sebahagian daripada hal-ehwal membabitkan kedudukan istimewa orang Melayu.

Rata-ratanya berpendapat kuasa yang diperuntukkan Perlembagaan Persekutuan kepada Yang di-Pertuan Agong dan Raja-Raja Melayu mampu melindungi warisan Melayu-Islam daripada menjadi mangsa akibat perubahan politik dan dasar semasa pihak berkuasa negeri.

Presiden Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Muhammad Razak Idris, berkatainggalan sejarah warisan Melayu-Islam ini sangat berkait rapat dengan kepentingan orang Melayu-Islam dan Raja-Raja Melayu perlu melindunginya.

"Majlis Raja-Raja Melayu wajar menubuhkan satu badan khusus untuk melindungi dan menjaga warisan Melayu-Islam untuk negeri yang tidak beraja dan Yang di-Pertuan Agong boleh menyelia penjagaan warisan ini menerusinya secara langsung.

"Dengan pendekatan ini, saya yakininggalan sejarah dan warisan Melayu Islam yang selama ini melambangkan kekuatan Raja-Raja Melayu dan orang Melayu di negeri tidak beraja adalah mustahil untuk disentuh mana-mana pihak yang tidak berkenaan," katanya.